

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH (PETALING  
JAYA)**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes kematian dalam pusat  
tahanan imigresen sejak Januari 2016 sehingga September 2019.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah kematian di Depot Tahanan Imigresen yang direkodkan dari tahun 2016 sehingga 23 September 2019 adalah berjumlah 151 orang. Punca kematian yang dikenalpasti oleh pihak hospital adalah disebabkan penyakit jangkitan paru-paru, komplikasi jantung, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ dan sebagainya.